



TARIKH	RABU, 04 DISEMBER 2019
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	TARIF ELEKTRIK TAK NAIK HINGGA JUN 2020
M/S	13
BIDANG	MESTECC
KATA KUNCI	ENERGY, TARIF ELEKTRIK

Tarif elektrik tak naik hingga Jun 2020

Kadar efektif tarif elektrik di Semenanjung bagi pengguna domestik akan dikekalkan, manakala kadar surcaj pengguna komersial dan industri diturunkan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2020.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata Kabinet bersetuju untuk menetapkan kadar efektif tarif elektrik itu berdasarkan mekanisme *Incentive Based Regulations* (IBR) (Kawal Selia Berasaskan Insentif).

“Sebanyak RM62.95 juta daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) akan digunakan untuk menampung surcaj ketidakseimbangan pelepasan kos bahan api (ICPT) supaya tidak ada surcaj akan dikenakan kepada pengguna domestik.

“Oleh itu, kadar efektif tarif elektrik dikekalkan, tidak akan meningkat pada kadar efektif asas iaitu 39.45 sen per kilowatt jam (kWj). Ini adalah 18 bulan berterusan tiada peningkatan melalui surcaj dikenakan kepada

pengguna elektrik domestik,” katanya pada sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri, di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) yang bertanyakan status pelaksanaan mekanisme IBR dalam menentukan tarif elektrik di Semenanjung setiap enam bulan serta sama ada tarif akan meningkat pada Januari 2020.

Menurut Yeo, sebanyak 7.4 juta pengguna domestik diberi pengecualian surcaj tarif elektrik, manakala pengguna bukan domestik akan menikmati pengurangan surcaj 0.55 sen per kilowatt jam (kWj) daripada 2.55 sen per kilowatt jam (kWj) kepada 2 sen kWj.

Bagi pengguna komersial dan industri, penurunan kadar surcaj itu disebabkan penurunan kos bahan api untuk tempoh enam bulan ini.

Kerajaan sejak 2015 sudah melaksanakan penentuan tarif elektrik berdasarkan IBR dan tarif asas elektrik disemak setiap tiga tahun yang tempoh regulatori



Kadar efektif tarif elektrik dikekalkan, tidak akan meningkat pada kadar efektif asas iaitu 39.45 sen per kilowatt jam (kWj).

Yeo Bee Yin,
Menteri Tenaga, Sains,
Teknologi, Alam Sekitar
dan Perubahan Iklim

pertama (RP1) IBR bermula 2015 hingga 2017, manakala tempoh regulatori kedua (RP2) IBR bermula 2018 hingga 2020.

“Melalui mekanisme ini, tarif asas ditentukan dengan andaian harga purata bahan api arang batu dan gas dalam tempoh regulatori itu.

“Sebarang perbezaan kos sebenar dengan harga andaian dalam penetapan tarif asas akan diselaraskan setiap enam bulan di bawah mekanisme ICPT, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat, bergantung kepada kos bahan api dan kos penjana lain dalam tempoh itu,” katanya.

Bee Yin menjelaskan, kadar efektif tarif elektrik adalah kadar asas tambah surcaj ataupun kadar asas tolak rebat dan penye-larasan kos bahan api ICPT untuk tempoh enam bulan melalui surcaj atau rebat akan dilakukan pada enam bulan seterusnya.

Bagi kadar surcaj atau rebat ICPT untuk tempoh Januari hingga Jun 2020 adalah ditentukan oleh harga bahan api Julai hingga Disember 2019.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-NORZEHAN BINTI NGADIRON (N44), BPM
2-RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM
UNIT PERKHIDMATAN MAKLUMAT, BPM